



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	16/9/2011

Forbes iktiraf program transformasi ekonomi Najib

Kesan positif ETP tingkat pelaburan asing, letakkan daya saing negara pada landasan kukuh



SARANAN Pengerusi dan Ketua Pengarang Forbes Media, Steve Forbes supaya Kerajaan Amerika Syarikat (AS) atau pentadbiran Obama mencontohi transformasi ekonomi Malaysia adalah satu pengiktirafan terhadap keupayaan pentadbiran Datuk Seri Najib Razak melaksanakan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Kenyataan itu disebut Forbes dalam temu bual dengan *Berita Harian* di luar Persidangan Ketua Eksekutif Forbes ke-11 di Kuala Lumpur pada 13 September lalu.

Sejak menjadi Perdana Menteri, Najib menunjukkan iltizam yang cukup tinggi untuk memulihkan kedudukan ekonomi negara yang terjejas akibat krisis ekonomi global. Langkah dan pendekatan diambil adalah bagi mencorakkan pengurusan ekonomi lebih dinamik.

Jika kita imbas kembali usaha awal beliau untuk merangsang semula pertumbuhan ekonomi negara ialah dengan melaksanakan pakej rangsangan ekonomi pada Mac 2009. Namun, pakej rangsangan ekonomi bukan satu-satunya ubat mujarab memulihkan ekonomi negara.

Persekitaran ekonomi yang semakin mencabar menuntut kerajaan merangka pelan transformasi ekonomi yang lebih responsif terhadap perubahan dan cabaran global.


Untuk jangka panjang, Najib mahukan kedudukan pendapatan negara berubah dari ekonomi berpendapatan sederhana kepada berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Ini adalah satu cabaran besar kerana memabihkan momentum pertumbuhan ekonomi global yang masih lagi dipengaruhi krisis kewangan antarabangsa.

Jika kerajaan tidak memiliki perancangan dalam memperbaiki keadaan ekonomi, maka negara akan berhadapan dengan risiko kehilangan momentum pertumbuhan ekonomi dan pasaran. Untuk itu, pentadbiran Najib menggerakkan usaha untuk melaksanakan transformasi ekonomi.

Pada hakikatnya ia bermula dengan tindakan kerajaan mengumumkan liberalisasi dalam 27 sub-sektor perkhidmatan, disusuli langkah liberalisasi dalam sektor kewangan dan pelaburan. Pusingan terakhir langkah liberalisasi ekonomi dijangka dibentangkan oleh Najib dalam pembentangan Bajet 2012 nanti.

Langkah lebih konkrit diperkenalkan apabila Najib menggariskan formula sebuah model baru dikenali sebagai Model Baru Ekonomi (MBE) yang diumumkan pada 2 Mei tahun lalu. MBE menekankan aspek inovasi, kreativiti dan nilai tinggi supaya impian untuk menjadikan



NAJIB bersama Forbes pada sesi 'A Meeting of Minds' di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 13 September lalu.

Sejak menjadi Perdana Menteri, Najib menunjukkan iltizam yang cukup tinggi untuk memulihkan kedudukan ekonomi negara yang terjejas akibat krisis ekonomi global

Peningkatan masuk FDI membuktikan transformasi ekonomi di bawah kepimpinan Najib memberikan kesan positif terhadap pelaburan asing. Ia sekali gus meletakkan daya saing negara berada dalam keadaan kukuh

Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi dengan sasaran perkapita AS\$15,000-AS\$20,000 (RM22,931-RM49,137) pada 2020 akan menjadi kenyataan.

Bagi merangka program terperinci mengenai ekonomi Malaysia dalam masa 10 tahun akan datang, Najib memperkenalkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diumumkan pada 25 Oktober tahun lalu. ETP bertujuan menambah baik ekonomi Malaysia supaya menjadi lebih berdaya saing dan berdaya tahan serta dapat memacu ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi.

ETP memberi tumpuan kepada 12 bidang ekonomi (NKEA) yang berpotensi untuk dibangunkan bersama oleh sektor swasta dan awam, di mana 92 peratus pelaburannya datang dari sektor swasta. Perkongsian awam-swasta ini adalah pendekatan utama yang digunakan kerajaan untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negara.

Ketika mengumumkannya, Najib menegaskan bahawa ETP mampu mencipta lebih 3.3 juta pekerjaan menjelang 2020 dengan majoriti pekerjaan itu menawarkan gaji sederhana dan tinggi.

Selepas setahun dilancarkan, ETP berjaya menarik nilai pelaburan RM171.21 bilion dan mampu menjana PNK bernilai RM228.55 bilion serta mewujudkan 372,361 pe-

luang pekerjaan baru.

Baru-baru ini kerajaan mengumumkan lapan lagi projek pelaburan baru yang memabihkan pelbagai sektor NKEA seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, pertanian, aeroangkasa, pemborongan, peruncitan dan pembuatan.

Pelaburan baru ini bernilai RM1.4 bilion serta mampu menjana RM8.4 bilion serta mewujudkan sebanyak 10,000 peluang pekerjaan baru.

ETP juga menjadi rangsangan utama untuk menarik semula pelaburan langsung asing (FDI di mana kemasukan FDI untuk suku pertama tahun ini adalah bernilai RM21.3 bilion mengatasi tempoh yang sama tahun lalu dengan lonjakan sebanyak RM12.1 bilion. Adalah dijangkakan FDI negara akan mencapai jumlah yang lebih tinggi berbanding tahun lalu.

Peningkatan masuk FDI membuktikan transformasi ekonomi di bawah kepimpinan Najib memberikan kesan positif terhadap pelaburan asing. Ia sekali gus jneletakkan daya saing negara berada dalam keadaan kukuh.

Buktinya ialah Laporan Daya Saing Global 2011 yang dikeluarkan Forum Ekonomi Global meletakkan negara pada tempat ke 21 daripada 142 negara yang ditinjau. Tahun lalu daya saing kita berada di tangga ke-26. Laporan itu turut menyebut, di kalangan ASEAN, negara berada di

tempat kedua selepas Singapura dan tempat keenam di Asia.

Perkara penting yang harus diberi perhatian kerajaan ialah usaha mempertingkatkan kedudukan pelaburan Malaysia pada peringkat serantau. Tahun lalu ASEAN menerima peningkatan pelaburan di kalangan negara serantau sebanyak AS\$12.1 bilion (RM36.3 bilion) berbanding AS\$5.2 bilion (RM15.6 bilion) pada 2009.

Pelaburan antara negara ASEAN menyumbang 16 peratus daripada jumlah aliran FDI yang mengalir ke rantau itu di mana pelaburan Malaysia bernilai AS\$2.3 bilion (RM6.9 bilion), manakala Singapura adalah pelabur terbesar bernilai AS\$7.4 bilion (RM22.2 bilion).

Pelaburan serantau ini amat penting dan ia selari dengan matlamat untuk menubuhkan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang 2015. Justeru, kerajaan mesti melipatgandakan usaha menarik pelaburan negara ASEAN melabur di Malaysia.

Pelaburan, sama ada pelaburan domestik mahupun asing di lima kawasan pembangunan koridor negara harus dipertingkatkan melalui 12 bidang NKEA.

Penulis ialah Ketua Unit Penerbitan, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan